

## Kerangka Prinsip Privasi Berkaitan Rumah Kediaman Dalam Islam (*Principles of Privacy Framework Related to Dwelling House In Islam*)

Zahari Mahad Musa<sup>1</sup>  
Universiti Sains Islam Malaysia

### Abstrak

Rumah kediaman adalah sebahagian keperluan asas (*darūriyyāt*) dalam kehidupan manusia. Dalam Islam, penetapan sesuatu tempat sebagai rumah kediaman mempunyai kepentingan yang tersendiri. Rumah kediaman bukan sahaja dilihat sebagai tempat perlindungan kepada diri dan harta benda, tetapi turut mempunyai kepentingan sebagai ruang kebersendirian atau zon privasi peribadi. Artikel ini bertujuan untuk meneroka perkara-perkara yang mendasari prinsip privasi tentang rumah kediaman dalam perundangan Islam. Tumpuan akan diberikan kepada pembinaan kerangka prinsip privasi berkaitan rumah kediaman. Secara amnya, Islam memberi keseimbangan antara tuntutan hidup bersosial dan keperluan untuk bersendiri dalam sesuatu masa. Prinsip privasi bagi sesuatu rumah kediaman bukan sahaja menunjukkan jaminan penjagaan lima tujuan utama syariah (*maqasid syariah*) malah menjadi suatu etika berinteraksi yang berpandukan wahyu dalam kehidupan sehari-hari.

*Kata Kunci:* privasi rumah kediaman, perundangan Islam

### Abstract

*Dwelling house is part of the basic needs in human life. In Islam, the designation of a place as a dwelling house has its own importance. The dwelling house is not only seen as a sanctuary for oneself and his property it is also significant in privacy space. This paper aims to explore the underlying principles related to privacy of dwelling house in Islamic jurisprudence. The discussion will focus on the construction of the frame through relevant privacy principles. In general, Islam provides a balance between the social life and the need to be alone at a time. The principles of privacy for a dwelling house not only show security of shariah objectives but can be an ethics of interaction based on revelation in everyday life.*

*Keywords:* privacy of dwelling house, shariah (Islamic law)

<sup>1</sup> Corresponding author : Zahari Mahad Musa, Universiti Sains Islam Malaysia. e-mail: zahari@usim.edu.my/ mmirahaz@gmail.com.

## PENDAHULUAN

Rumah kediaman merupakan institusi asas yang penting kepada kehidupan manusia. Setiap manusia memerlukan kawasan perlindungan peribadi yang mempunyai elemen rehat dan tenang daripada gangguan luar dan persekitaran. Firman Allah SWT :

[وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِنْ بُوْتِكُمْ سَكَنًا وَجَعَلَ لَكُم مِنْ جُلُودِ الْأَنْعَمِ بُيُوْتًا  
سَتَسْتَخْفِفُونَهَا يَوْمَ طَعِيقُكُمْ وَيَوْمَ إِقَامَتِكُمْ وَمِنْ أَصْوَافِهَا وَأَوْبَارِهَا وَشَعَّا  
رِهَا أَنْثَا وَمَتَّعَا إِلَى حِينِ هُنَّا وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِمَّا خَلَقَ طَلَلًا وَجَعَلَ  
لَكُم مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَانًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرِيرَلَكُمْ نَقِيَّكُمُ الْحَرَّ وَسَرِيرَلَكُمْ  
نَقِيَّكُمْ بَاسِكُمْ كَذَلِكَ يُمْتَنُّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ]

*Maksudnya: Dan Allah menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal; dan ia menjadikan bagi kamu dari kulit binatang-binatang ternak: khemah-khemah (tempat berteduh), yang kamu mendapatinya ringan (dibawa ke mana-mana) semasa kamu merantau dan semasa kamu berhenti; dan (ia juga menjadikan bagi kamu) dari berjenis-jenis bulu binatang-binatang ternak itu, berbagai barang perkakas rumah dan perhiasan, (untuk kamu menggunakannya) hingga ke suatu masa. Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakanNya: benda-benda untuk berteduh, dan ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, ia menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepadaNya dan mematuhi perintahNya.*

(al-Qur'an, 16 : 80-81)

Ayat ini menjelaskan beberapa nikmat yang diberikan oleh Allah SWT demi kelangsungan hidup manusia termasuklah rumah kediaman, perhiasan dan pakaian. Kepelbagai bentuk dan sumber bahan binaan menjadikan rumah kediaman sebahagian bukti kekuasaan Allah SWT yang maha mengetahui tentang kondisi persekitaran manusia yang berbeza (Wahbah al-Zuhayli, 1991, 200). Dua perkataan dalam bahasa arab yang menunjukkan rumah kediaman dalam ayat tersebut ialah *al-bayt* (rumah) dan *al-sakan/ al-maskan*

(kediaman). Kedua-duanya adalah simbolik kepada fungsi rumah itu sendiri iaitu kawasan rehat diambil daripada perkataan *al-bayt* yang bermaksud tempat bermalam, dan kawasan tenang yang diambil daripada perkataan *al-sakinah* iaitu bagi menunjukkan ketenangan.

Nas syarak turut menggunakan beberapa frasa lain yang menunjukkan rumah kediaman. Frasa-frasa tersebut termasuklah *manzil*, *dār* dan *ma'wā*. Kesemuanya hampir menunjukkan setiap fungsi utama rumah kediaman seperti tempat persinggahan (*manzil*), tempat pelbagai aktiviti (*dār*) dan tempat menetap (*ma'wā*). Setiap frasa hanya berbeza dari sudut penggunaan antara umum dan khusus (Spahic Omer. 2008, 12).

Persekutaran rumah kediaman yang baik memberi impak kepada kehidupan yang berkualiti (Nurizan Yahya. 1998, 135). Menurut Anas Muṣṭafa Abu Ḩāfiẓ (1994: 48), rumah kediaman dalam Islam perlu memenuhi tiga ciri sebagai syarat utamanya iaitu, keselamatan (*al-amn*), privasi (*al-khuṣūṣiyah*) dan kesihatan (*al-ṣihḥah*). Rentetan daripada itu, artikel ini akan menghuraikan salah satu syarat tersebut iaitu privasi dalam perundangan Islam. Isu privasi berkaitan rumah kediaman adalah penting untuk difahami oleh setiap individu, keluarga mahupun masyarakat dan merupakan sebahagian agenda kemanusiaan dalam kehidupan seharian (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2007, 23-30).

Artikel ini bertujuan mencadangkan kerangka prinsip-prinsip yang mendasari pensyariatan privasi berkaitan rumah kediaman dalam Islam. Prinsip-prinsip tersebut mempunyai hubungan yang rapat dengan hak eksklusif kehidupan seseorang individu dalam sesebuah rumah kediaman iaitu melibatkan situsai bersendirian dan tiada gangguan yang kemudiannya dikenali dengan privasi. Secara tidak langsung huraian dalam artikel ini bertujuan untuk menunjukkan kedudukan privasi adalah penting bagi sesebuah rumah kediaman dalam Islam.

Kajian dalam artikel ini adalah berbentuk kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis data sebagai pendekatan utama. Data yang digunakan ialah merujuk kepada nas-nas syarak primer iaitu al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w. Huraian juga akan tertumpu kepada ijтиhad ilmuan Islam berkaitan perkara-perkara yang mendasari pembinaan kerangka prinsip privasi berkaitan rumah kediaman.

### **KEDUDUKAN PRIVASI BERKAITAN RUMAH KEDIAMAN**

Secara asasnya, perundangan Islam menetapkan prinsip yang mapan tentang isu privasi berkaitan rumah kediaman. Prinsip ini menghubungkan tiga elemen pertautan iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan

manusia dan manusia dengan alam persekitaran. Pertautan ini sebenarnya berkaitrapat dengan ajaran Islam itu sendiri iaitu sebagai cara hidup yang mengandungi elemen akidah, amalan dan akhlak (3A). Tauhid adalah tunjang kepada kehidupan manusia sama ada di luar atau di dalam rumah kediaman yang membina hubungan manusia dengan pencipta. Manakala amalan (*fiqh*) dan akhlak merupakan peraturan yang menentukan pengisian dan fungsi sesebuah rumah kediaman yang diberkati di dunia dan akhirat.

Beberapa kajian oleh ilmuan Islam kontemporari seperti Muḥammad Rākān al-Dughmiyy (1985), Ḥusni al-Jundiyy (1993) dan Ādām Ḩusayn (2000) menggunakan terminologi *al-ḥayāt al-khāṣṣah* dan *al-khuṣūsiyyah* bagi menunjukkan privasi iaitu situasi bersendiri tanpa sebarang gangguan. Manakala Aḥmad al-Sa'ad (2004) menggunakan frasa menutup *'awrah* (*satr al-'awrah*) dalam menerangkan ciri binaan rumah kediaman yang mengikut piawaian syarak bagi memenuhi tuntutan privasi. Kesemua penyelidik mengenalpasti keperluan dan kepentingan privasi dalam sesebuah rumah kediaman sama ada dari sudut teori atau secara praktikalnya.

Penggunaan istilah *al-khuṣūsiyyah* dalam bahasa Arab menunjukkan sesuatu yang khusus, peribadi dan berlawanan dengan sesuatu yang bersifat umum. Definisi *al-khuṣūsiyyah* yang diberikan oleh Husni al-Jundiyy ialah perlindungan kehidupan peribadi dan keluarga seseorang daripada terdedah atau gangguan pihak luar tanpa sebarang keredaannya (Husni al-Jundiyy. 1993. 35). Definisi ini memenuhi maksud privasi yang mempunyai dua unsur penting iaitu unsur bersendiri dan unsur tidak wujud gangguan. Privasi diertikan sebagai keupayaan mengawal aktiviti persendirian tanpa gangguan daripada elemen atau individu luar (Nurizan Yahya. 1998. 143). Unsur bersendiri menunjukkan seseorang itu dapat menjalankan aktiviti yang bersifat peribadi secara rahsia dan sulit. Manakala tiada gangguan pula menunjukkan kelebihan suasana tersebut yang terhindar daripada sebarang bentuk halangan ketenteraman sama ada faktor luaran atau persekitaran.

Ibn Taymiyyah berpendapat setiap orang perlu mempunyai masa peribadi untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sendiri yang tidak boleh dikongsi dengan orang lain. Beliau menyatakan:

*Seharusnya bagi setiap hamba (individu) memiliki tempoh masa yang menjadikan dirinya berseorangan untuk tujuan berdoa, zikir, solat, berfikir, muhasabah diri, memperbaiki hati dan semua perkara bersifat khusus yang tidak dikongsi dengan orang lain. Semua ini memerlukan situasi yang bersendirian. (Ibn Taymiyyah, Aḥmad ibn Abd Al-Halim. 1408H/ 1987M 163)*

Privasi adalah hak yang diberikan secara eksklusif kepada setiap penghuninya sama ada pemilikan ke atas rumah kediaman adalah sempurna atau tidak. Hak kediaman ini terikat dengan dua jenis hak sekali gus iaitu hak Allah SWT dan hak hamba secara serentak. Hak Allah SWT merujuk kepada peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan nas dan sumber wahyu yang jelas serta perlu dipenuhi sebagai satu tuntutan dan kewajipan agama. Manakala hak hamba atau manusia tertumpu kepada peraturan yang ditetapkan sesama manusia dan biasanya berasaskan kepada maslahah dan budi bicara bersama (Ahmad Farrāj Husayn & 'Abd Al-Wadūd Muḥammad al-Sarīyy. t.thn, 20).

Penurunan salah satu surah al-Qur'an yang dikenali dengan nama *al-hujurāt* sangat berkait rapat juga dengan hukum privasi. Istilah *al-hujurāt* bermaksud bilik-bilik merujuk kepada rumah kediaman Rasulullah SAW ketika itu (Safwān 'Adnān Dawūdiyy. 1413H/1993M). Malah sebahagian ulama memberi gelaran surah tersebut dengan nama surah akhlak kerana menghimpunkan beberapa etika dan akhlak sosial sesama manusia dalam Islam. Beberapa etika digariskan dalam surah tersebut yang antaranya menjaga privasi penghuni sesebuah rumah kediaman daripada sebarang gangguan pihak luar (Al-Šābūniyy, Muḥammad 'Ali. t.thn, 230). Firman Allah SWT dalam menerangkan golongan yang mengganggu Rasulullah s.a.w dengan mengangkat suara di luar kediaman baginda adalah sebagai mereka yang tidak berakal:

[إِنَّ الَّذِينَ يُنَادِونَكَ مِنْ وَرَاءِ الْجُنُوبِ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ]

*Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang memanggilmu dari luar bilik-bilik (tempat ahlimu, Wahai Muhammad), kebanyakan mereka tidak mengerti (adab dan tata tertib).*

(Al-Qur'an. 49 : 4)

Tiga syarat utama rumah kediaman yang diberikan hak privasi ialah (Ādam 'Abd al-Badi' Ādam Husayn. 2000, 250-254):

- i. Rumah kediaman hendaklah kawasan yang berpenghuni. Mana-mana tempat yang tidak berpenghuni tidak diberikan keistimewaan privasinya.
- ii. Orang yang menghuni rumah kediaman tersebut mempunyai kebenaran pemilikan untuk mendiaminya sama ada hak milik penuh atau tidak iaitu sekadar menyewa di kediaman tersebut.
- iii. Pemilikan untuk mendiami rumah tersebut adalah sah di sisi perundangan.

Penentuan hukum privasi dalam rumah kediaman adalah bersifat menyeluruh dan saling lengkap melengkapi dengan faktor masa, tempat dan struktur

rumah kediaman tersebut. Melihat kepada pihak yang terlibat dengan hukum privasi sesebuah rumah kediaman terbahagi kepada dua bahagian iaitu privasi luaran dan privasi dalaman. Kategori pertama melibatkan pihak luar yang bukan penghuni rumah kediaman. Pihak luar tidak dibenarkan masuk dan menjangkaui kawasan peribadi sesebuah kediaman melanjang terdapat kebenaran untuk berbuat demikian (Husni al-Jundiyy, 34; Asiah Abdul Rahim. 2008, 36). Sandaran hukum kategori privasi ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

[يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوْ بُيُوتَكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْسِفُوْ  
وَكُلُّمَا وَسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ تَدْكُرُوهُنَّا فَإِنْ لَمْ  
تَجْدُوْ فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوْهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ  
أَرْجِعُوْ فَارْجِعُوْ هُوَ أَزْكَى لَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ عَلِيمٌ]

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Maka sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin; dan jika dikatakan kepada kamu «baliklah», maka hendaklah kamu berundur balik; cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu; dan (ingatlah) Allah maha mengetahui akan apa yang kamu lakukan.*

(al-Qur'an. 24: 27-28)

Kategori kedua privasi ialah melibatkan privasi dalaman iaitu melibatkan interaksi dan hubungan sesama penghuni dalam rumah kediaman yang sama. Al-Qur'an menegaskan aspek privasi dalaman ini melalui tiga masa peribadi iaitu sebelum subuh (awal pagi), waktu tengahari (biasanya waktu rehat) dan selepas isyak (waktu tidur) yang memerlukan kebenaran sesama penghuni untuk berinteraksi. Firman Allah SWT:

[يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَعِذُنُكُمُ الَّذِينَ مَلَكُتُمْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ  
لَمْ يَتَلْغُوْ أَحَلُّمِ مِنْكُمْ ثَلَثَ مَرَاتٍ مِنْ قَبْلِ صَلَوةِ الْفَجْرِ وَحِينَ

تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوَرَاتٍ  
 لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَّفُوكُمْ عَلَيْكُمْ  
 بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَتِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ  
 حِكْمٌ إِنَّمَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلْمُ فَلَيَسْتَعِذُنُوا كَمَا  
 أَسْتَعِذُنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ مَا يَتَبَيَّنُهُ  
 وَاللَّهُ عَلَيْهِ حِكْمٌ []

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah maha mengetahui, lagi maha bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah maha mengetahui, lagi maha bijaksana.*


(al-Qur'an. 24 : 58-59)

Melihat kepada faktor bentuk gangguan pula, privasi terbahagi kepada dua iaitu privasi dari sudut bunyi (*acoustical privacy*) dan pandangan (*visual privacy*) (Asiah Abdul Rahim. 2008, 36). Sandaran kepada gangguan bunyi adalah seperti yang dinyatakan dalam surah *al-Hujurāt* sebelum ini yang menempelak golongan yang mengangkat suara di luar kediaman Rasulullah s.a.w. Manakala gangguan pandangan adalah bersandarkan kepada nas syarak yang membenarkan untuk mempertahankan diri daripada pandangan pihak luar. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اطْلَعَ فِي بَيْتٍ قَوْمٌ بَغْيَرِ إِذْنِهِمْ فَقَدْ حَلَّ لَهُمْ أَنْ يَفْقَعُوا عَيْنَهُ

*Maksudnya: Sesiapa yang mengintai kediaman orang lain tanpa keizinan mereka, maka dibenarkan bagi mereka (tuan rumah) untuk menjolok matanya.* (Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. Kitab: Al-Ādāb, Bab: taḥrīm al-naẓar fi bayt ghayrihi, no: 2158. jil 3, hlm 1699)

Ringkasnya, ruang rumah kediaman adalah hak milik eksklusif bagi penghuninya. Penentuan hukum privasi yang perlu diambil perhatian adalah bergantung kategori-kategorinya seperti ringkasan Rajah 1 berikut:



Rajah 1 : Pembahagian Privasi Rumah Kediaman Berdasarkan Kategori

Kepentingan hak kebersendirian atau privasi yang diberikan dalam Islam adalah jelas iaitu bagi menjamin penjagaan dan pelindungan ke atas lima unsur dalam tujuan utama syariah (*maqasid syariah*); agama, nyawa, akal, harta dan maruah (Muhammad Rākān al-Dughmiyy. 1985, 44). Dalam menjaga agama, seseorang boleh melakukan ibadah peribadi seperti solat sunat mahupun solat jemaah sesama ahli keluarga di rumah kediaman masing-masing. Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا قُضِيَ أَحَدُكُمُ الصَّلَاةَ فِي مَسْجِدٍ، فَلَا يَجْعَلُ لَبَيْتِهِ نَصِيبًا مِّنْ صَلَاتِهِ، فَإِنَّ اللَّهَ جَاعِلٌ فِي بَيْتِهِ مِنْ صَلَاتِهِ خَيْرًا

*Maksudnya: Sekiranya salah seorang daripada kamu menunaikan solat di masjid, maka jadikanlah di rumah kediamannya sebahagian daripada solatnya. Sesungguhnya Allah menjadikan kebaikan dengan solat yang didirikan di rumah kediaman.*

(Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. Kitab Ṣalāt al-Musāfirin, Bab Istiḥbāb ṣalāt al-nāfilah fi baytihi, no: 210)

Manakala bagi tujuan menjaga nyawa, sudah tidak dapat dinafikan lagi bahawa rumah merupakan perlindungan peribadi daripada sebarang bentuk perubahan cuaca dan kepelbagaiannya interaksi sosial yang mencabar dalam masyarakat. Setiap manusia berhak menjalankan aktiviti peribadi bersifat santai untuk merehatkan fikiran selepas penat bekerja. Perlindungan ke atas harta dapat dilihat dari sudut penyimpanan barang dan keperluan peribadi di samping rumah itu sendiri merupakan harta yang menjadi amanah untuk dihargai. Rumah kediaman juga adalah ruang terbaik menjaga maruah peribadi seseorang melalui penjagaan *'awrah* daripada terdedah kepada pandangan pihak luar.

### **KERANGKA PRINSIP-PRINSIP PRIVASI BERKAITAN RUMAH KEDIAMAN**

Kefahaman terhadap prinsip berkaitan privasi rumah kediaman mempunyai kepentingan yang tersendiri. Asas kepada penentuan prinsip ini ialah memberi hak kepada yang berhak iaitu penghuni rumah kediaman dengan mengiktiraf kebebasan individu dalam kehidupan seharian. Perbincangan tentang prinsip ini akan tertumpu kepada lima perkara iaitu penjagaan *'awrah*, perlindungan kerahsiaan, kebenaran pengasingan diri (*'uzlah*), hak untuk mempertahankan diri dan tegahan daripada melakukan *tajassus*. Kelima-lima perkara ini mempunyai hubungan yang rapat dengan situasi privasi bagi sesebuah rumah kediaman.

#### **Penjagaan *'awrah***

Prinsip *'awrah* dalam Islam merujuk kepada sesuatu yang mengaibkan, iaitu haram untuk ditonjolkan dan pada masa yang sama haram untuk dilihat. Istilah *'awrah* disebut dalam al-Qur'an sebanyak empat kali menunjukkan tiga maksud utama iaitu: fizikal anggota badan wanita dalam surah al-Nūr (24) ayat 31, batasan masa kediaman dalam surah al-Nūr (24) ayat 58 dan kekurangan atau tidak selamat dalam surah al-Aḥzāb (33) ayat 13 (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqiyy. 1982, 494).

Dari sudut bahasa *'awrah* bermaksud kecacatan atau kekurangan pada sesuatu perkara. Dari sudut syarak biasanya prinsip ini ditujukan kepada fizikal tubuh badan manusia sama ada lelaki atau perempuan yang melibatkan etika berpakaian. Setiap jantina mempunyai batasan *'awrah* iaitu antara pusat dan lutut bagi lelaki dan keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan bagi perempuan (Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha & 'Ali al-Sharbajīyy. 1991: 124).

Setiap anggota tubuh badan tersebut wajib ditutup sebagai menjaga maruah diri dan menjauahkan pandangan yang tidak dibenarkan. Kebenaran untuk membuka *'awrah* hanya berlaku dalam kondisi tertentu seperti ketika

bersama golongan mahram atau ketika bersama pasangan yang sah melalui ikatan perkahwinan atau perhambaan. Etika berpakaian adalah penting walau pun seseorang individu berada dalam keadaan berseorangan. Hal ini disarankan oleh hadis Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا بَهْرُ بْنُ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ قُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ عَوْرَاتُنَا مَا نَأْتَيْ مِنْهَا وَمَا نَذَرْ قَالَ إِحْفَظْ عَوْرَاتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجِتَكَ أَوْ مَا مَلَكْتَ يَمْبَنِيكَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا كَانَ الْقَوْمُ بَعْضُهُمْ فِي بَعْضٍ قَالَ إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا يَرَاهَا أَحَدٌ فَلَا يَرَاهَا قَالَ قُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِذَا كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًّا قَالَ فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيِي مِنْهُ مِنْ النَّاسِ

*Maksudnya: Daripada Bahz ibn Hakim menceritakan daripada bapanya daripada datuknya: Aku bertanya kepada Rasulullah: Wahai Nabi Allah berkaitan ‘awrah kami, apakah yang boleh kami lakukan dan yang sepatutnya ditinggalkan? Rasulullah menjawab: Peliharalah ‘awrah kamu kecuali dengan isteri dan hamba yang kamu miliki. Aku bertanya lagi: Wahai Rasulullah, sekiranya sesuatu kaum (sama jantina) berada antara satu dengan yang lain. Rasulullah menjawab: sekiranya kamu mampu untuk tidak diperhatikan oleh orang lain maka hendaklah berbuat demikian. Aku bertanya lagi: Wahai Nabi Allah, sekiranya salah seorang kami dalam keadaan berseorangan. Rasulullah menyatakan: Maka Allah lebih berhak untuk kamu rasa malu berbanding manusia.*  
 (Al-Tirmidhiyy, Muhammad ibn ‘Isa. Kitab al-Ādab, Bab: fi hifz al-‘awrah, no: 2794)

Limitasi tubuh badan ini melalui prinsip ‘awrah menggambarkan status privasi fizikal individu muslim dalam kehidupan sehari-hari. Situasi ini juga melibatkan rumah kediaman kerana kawasan tersebut bukan sahaja menjadi tempat perlindungan semata-mata, bahkan ia menjaga hak privasi penghuninya. Oleh yang demikian, rumah kediaman menjadi zon privasi yang melibatkan pihak luar dan penghuni atau sesama penghuni di dalam sesuatu kediaman itu sendiri. Dalam hal ini, Islam memberi panduan khusus bagi sesuatu aktiviti di dalam sesebuah rumah kediaman terutama yang melibatkan faktor gender, usia dan jenis pengisian domestic (Spahic Omer. 2010, 26). Sebagai contoh pengasingan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan merupakan sebahagian tuntutan ‘awrah yang menggambarkan privasi ruang antara dua gender yang berbeza. Rasulullah SAW bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

*Maksudnya: Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka apabila mengabaikannya ketika berumur sepuluh tahun. Pisahkanlah antara mereka (mengikut jantina) di tempat tidur.*

(Abū Dawūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath. Kitab al-Šalāt, Bab: mata yu'mar al-ghulām bi al-ṣalāt, no: 495)

### Perlindungan Kerahsiaan

Kebebasan individu dalam kehidupan tidak dapat terpisah dengan pelbagai rahsia diri. Setiap individu mempunyai rahsia iaitu setiap perkara yang hanya diketahui oleh diri atau pihak tertentu dan melibatkan sesuatu yang tersembunyi atau sulit. Disebabkan perihal rahsia adalah sifatnya tersembunyi dan sulit, maka menjaga dan melindunginya merupakan sebahagian bentuk privasi bagi setiap orang.

Terdapat pelbagai komponen rahsia yang biasanya dimiliki oleh individu dalam kehidupan harian. Sharif Adul menguraikan rahsia individu boleh dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu rahsia khusus dan rahsia umum. Rahsia khusus lebih bersifat peribadi berbanding rahsia umum. Setiap rahsia khusus melibatkan diri sendiri atau pihak lain seperti keluarga, pekerjaan dan masyarakat sekeliling. Beliau turut menyatakan bahawa kesemua rahsia individu bersumberkan dua medium utama iaitu medium dalaman dan luaran. Medium pertama ialah setiap rahsia yang ada pada diri seseorang termasuklah fizikal, pemikiran, perasaan dan sebagainya. Manakala medium kedua ialah setiap rahsia dalam lingkungan persekitaran kehidupan individu seperti rumah kediaman, perbualan dan dokumen peribadi (Sharīf Adūl Idrīs. 1418H/1997M, 27-37).

Prinsip kerahsian menuntut setiap individu menghormati privasi diri dan ia merupakan sebahagian amanah yang wajib dipelihara. Pihak yang melanggar privasi adalah seperti bersifat khianat dengan amanah yang diberi. Perbuatan ini adalah ditegah seiring dengan firman Allah SWT:

[يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْبَيْكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ]

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan*

(janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu,  
sedang kamu mengetahui (salahnya).

(Al-Qur'an. 8: 27)

Contoh situasi yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w ialah kesalahan bagi individu yang membongkar rahsia keluarga terutama yang melibatkan hubungan kelamin antara pasangan suami isteri. Ini kerana, tindakan tersebut mendatangkan keburukan bukan sahaja kepada diri individu malah mencemarkan privasi dalam rumah tangga. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا أَنْهَى النَّاسَ عَنِ الْمُنْزَلَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، الرَّجُلُ يَفْضُلُ إِلَيْهِ امْرَأَتَهُ،  
وَتَفْضُلُ إِلَيْهِ، ثُمَّ يَنْشُرُ سَرِّهَا

*Maksudnya: Sesungguhnya antara manusia yang paling keji kedudukannya di sisi Allah SWT pada hari kiamat ialah lelaki (suami) berhubung (bersetubuh) dengan isterinya dan wanita berhubung dengan suaminya kemudian menceritakan segala rahsia (hubungan kelamin) tersebut.*

(Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. Kitab al-Hajj, Bab taḥrīm ifshā' sir al-mar'ah, no: 1437)

Dalam hadis lain, Rasulullah s.a.w memberi pesanan untuk menjaga lidah yang menjadi punca kepincangan rahsia dan seterusnya menggugat privasi seseorang. Pesanan tersebut digandingkan dengan soal rumah kediamaan bagi menunjukkan pertautan yang rapat kehidupan manusia. ʻUqbah meriwayatkan hadis daripada Rasulullah dengan bertanyakan apakah penyelamat bagi orang beriman, lalu baginda menjawab:

يَا عَقبَةَ، احْرِسْ لِسَانَكَ، وَلَا يَسْعَكَ بَيْتَكَ، وَابْكِ عَلَى خَطِيئَتِكَ

*Maksudnya: Wahai ʻUqbah, peliharalah lidah kamu, luaskanlah rumah kediamaan kamu dan tangisilah atas segala kesalahan kamu.*

(Aḥmad ibn Ḥanbal. Musnad al-Shāmiyyin. No: 17334)

### Kebenaran Pengasingan Diri (*ʻUzlah*)

Keperluan untuk merasai situasi kebersendirian adalah penting bagi kehidupan manusia. Setiap kehidupan harian manusia penuh dengan pelbagai cabaran dan ujian. Setiap cabaran dan ujian adalah sinonim dengan kehidupan di dunia seiring dengan firman Allah SWT:

[الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوْكُمْ أَكْيُكُمْ أَحَسْنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ]

*Maksudnya: Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia maha perkasa lagi maha pengampun.*

(Al-Qur'an. 67 : 2)

Manusia dianugerahkan dengan akal tidak terlepas dengan tanggungjawab untuk mengurus kehidupan alam ini yang termasuk dalam tugas khalifah. Mereka diberikan hak-hak dan keistimewaan mengikut kedudukan masing-masing dalam meneruskan kehidupan dan kebebasan yang diberikan dalam mentadbir alam ini. Walau bagaimanapun, manusia masih memerlukan ruang rehat dan masa yang sesuai sebagai sebahagian penyelesaian terhadap kehidupan bermasyarakat. Dalam hal ini, rumah kediaman merupakan ruang sesuai yang memberi peluang kepada individu untuk mengamalkan dan menguruskan aktiviti peribadi tersebut. Secara tidak langsung, privasi merupakan manifestasi kepada hak kebebasan seseorang individu terhadap kehidupan sehari-hari (Ādām Ḩabd al-Bādī Ḩādīs Husayn, 44).

Kebenaran untuk memilih situasi peribadi ini adalah didasari atas prinsip *'uzlah*. Maksud asal dari sudut bahasa ialah menyisih atau mengasingkan (Sa'diyy Abū Jayb. 1408H/1988M, 599). Al-Khaṭābiyy menyatakan *'uzlah* dalam mendepani zaman fitnah merupakan sunnah para Nabi, perlindungan para wali dan perjalanan setiap orang berilmu terutama pada zaman yang kurang kebaikan (Al-Khaṭābiyy, Abū Sulayman Ḥamad ibn Muḥammad. 1410H/1990M, 63). Hal ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh 'Amrū ibn al-Āṣ beliau menceritakan:

بِيَنِمَا نَحْنُ حَوْلُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، إِذْ ذُكِرَ الْفَتْنَةُ،  
فَقَالَ: إِذَا رَأَيْتُمُ النَّاسَ قَدْ مَرْجَتْ عَهْوَدَهُمْ، وَخَفْتَ أَمَانَاتَهُمْ،  
وَكَانُوا هَكُذا، وَشَبَكَ بَيْنَ أَصْبَاعِهِ، قَالَ: فَقَمْتُ إِلَيْهِ، فَقَلَّتْ: كَيْفَ  
أَفْعَلْ عَنْدَ ذَلِكَ، جَعَلْنِي اللَّهُ فَدَاكَ؟ قَالَ: الْزَمْ بَيْتَكَ، وَامْلُكْ عَلَيْكَ  
لِسَانَكَ، وَخُذْ بِمَا تَعْرِفُ، وَدُعْ مَا تَنْكِرُ، وَعَلَيْكَ بِأَمْرِ خَاصَّةِ نَفْسِكَ،  
وَدُعْ عَنْكَ أَمْرُ الْعَامَةِ .

*Maksudnya: Ketika kami berada di sisi Rasulullah, baginda menyebut tentang fitnah lalu bersabda: Sekiranya kamu melihat manusia telah pincang urusan janji-janjinya dan tersebunyi sifat amanahnya dan mereka seperti ini – baginda merapatakan jari-jarinya. Maka hadapilah. Aku bertanya: Bagaimana perlu aku lakukan semoga Allah menjadikan bagiku daripada jaminanmu. Rasulullah bersabda: Berpeganglah di kediamanmu, telitilah perkakapanmu, ambillah apa yang baik*

*untuk dilakukan, tinggalkan apa yang mungkar; hendaklah kamu selesaikan urusan sendiri dan tinggalkan sebarang urusan awam.*

(Abu Dawūd. Kitab al-Malāḥim, Bab al-Amr wa al-Nahy, No: 4343)

Hadis ini memberi gambaran kepincangan fitnah yang bakal dihadapi oleh umat Islam yang antara lain disifatkan dengan janji-janji yang tidak lagi ditunaikan dan hilangnya amanah dikalangan manusia. Pada masa yang sama Rasulullah s.a.w memberi saranan sebagai panduan kepada umat Islam dalam menghadapi zaman tersebut. Kesemua saranan tersebut menunjukkan tindakan berbentuk *‘uzlah* iaitu peribadi yang perlu diutamakan berbanding urusan-urusan bersifat umum. Salah satu tindakan yang perlu diberi perhatian ialah saranan Rasulullah s.a.w yang meminta agar sentiasa berada di rumah kediaman masing-masing sebagai langkah yang lebih selamat daripada gangguan pihak luar.

Privasi di rumah kediaman yang didasari oleh prinsip *‘uzlah* juga memberi jaminan hidup yang selamat daripada sebarang gangguan luar dan dapat mengelakkan diri daripada perkara-perkara buruk dalam masyarakat. Rasulullah s.a.w menyatakan perkara ini dalam hadisnya:

عن معاذ قال : عهد إلينا رسول الله صلى الله عليه وسلم في خمس من فعل منها كنا ضامننا على الله : من عاد مريضا ، أو خرج مع جنازة ، أو خرج غازيا في سبيل الله ، أو دخل على إمام يزيد بذلك تعزيره وتوقيره ، أو قعد في بيته فيسلم الناس منه ويسلم

*Maksudnya: Dari pada Mu'adh berkata: Rasulullah menjanjikan kepada kami lima perkara yang sesiapa melakukannya akan menjadi jaminan ke atas Allah SWT. (Perkara tersebut ialah) sesiapa yang merawat pesakit, keluar mengiringi jenazah, keluar berjuang di jalan Allah, berjumpa pemerintah untuk tujuan menghormatinya atau sentiasa berada di kediamannya yang menjadikan manusia selamat daripadanya dan dia juga akan selamat.*

(Ahmad ibn Hanbal. Musnad al-Anṣār. No: 22093)

Walaupun hadis-hadis sebelum ini cenderung untuk memberi galakan kepada kehidupan privasi di rumah kediaman masing-masing melalui pengasingan diri, namun ia bukanlah hukum asal kepada semua individu. Kebenaran untuk bersendirian seharusnya tidak mengabaikan tanggungjawab dan tugas-tugas harian lain. Selain itu, prinsip *‘uzlah* tersebut merupakan pengecualian

dari pada hukum asal iaitu suruhan untuk hidup berjemaah yang melibatkan interaksi sosial. Hal ini dapat diperhatikan dalam hampir semua urusan fiqh seperti perlaksanaan ibadah solat berjemaah dan haji. Justeru itu, *‘uzlah* hanya dibenarkan mengikut faktor situasi dan kemampuan individu dalam mendepani pelbagai karenah hidup (Zayn al-*Ābidīn* ibn ‘Az̄m Allah al-Ghāmidiyy. 1427H/2006M, 130).

Rasulullah SAW memberi pujian kepada individu yang sentiasa bersabar dengan ujian mahupun karenah apabila berinteraksi sesama manusia lain berbanding individu yang memilih untuk menyendiri. Baginda bersabda:

الْمُسْلِمُ إِذَا كَانَ يَخْالِطُ النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهِمْ خَيْرٌ مِّنَ الْمُسْلِمِ الَّذِي  
لَا يَخْالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى أَذَاهِمْ

Maksudnya: Muslim yang bergaul sesama manusia dan bersabar dengan keburukan mereka adalah lebih baik daripada muslim yang tidak bergaul dengan manusia lain dan tidak bersabar dengan keburukan mereka.

(Al-Tirmidhiyy, Muhammad ibn ‘Isa. Kitab: Abwāb ḥīfah al-Qiyāmah, No: 2507)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ أَبَا سَعِيدَ الْخُدْرِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حَدَّثَنَا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ أَفْضَلُ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مُؤْمِنٌ يَجْاهِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ، قَالُوا: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: مُؤْمِنٌ فِي شَعْبٍ مِّنَ الشَّعَابِ يَتَقَبَّلُ اللَّهُ تَعَالَى مِنْهُ وَيُدْعَ النَّاسُ مِنْ شَرِهِ

Makdusnya: Sesungguhnya *Abū Sa‘īd al-Khudriyy* menceritakan, Rasulullah ditanya: Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang lebih baik? Rasulullah menjawab: Mukmin yang berjihad dengan diri dan hartanya. Mereka bertanya lagi: kemudian siapa? Rasulullah menjawab: Mukmin yang berada di lembah bukit (kawasan terpencil) dengan sentiasa bertakwa kepada Allah dan menjauhkan manusia dari keburukan mereka.

(Al-Bukhariyy. Kitab Jihād, Bab: Afḍal al-Nās Mu’mīn mujāhid bi nafsihi wa mālihi, no: 2786, Muslim. Bab Faḍl al-Jihād wa al-ribāṭ, no: 1888)

Sayyid Sābiq membawa pendapat jumhur dan mazhab syafie dengan menyatakan bahawa bergaul sesama manusia adalah lebih baik (afdal) berbanding hidup bersendirian dengan syarat terselamat daripada sebarang fitnah (Sayyid Sābiq. 1397H/ 1977M, 629)

### Hak Mempertahankan Diri

Sebarang bentuk gangguan atau pencerobohan yang menggugat seseorang individu adalah dilarang dalam Islam. Situasi ini turut berlaku kepada rumah kediaman. Kebenaran untuk mempertahankan diri daripada sebarang gangguan yang berlaku di rumah kediaman menunjukkan penghuni tersebut memiliki hak di ruang mereka sendiri. Hak untuk mempertahankan diri inilah yang memperakui kedudukan privasi rumah kediamannya. Hak untuk mempertahankan diri ini dibincangkan oleh ilmuan Syariah dalam tajuk al-Difā' al-Shar'iyy (*self defence*) atau *difā' al-ṣā'il*. (Al-Siddīq Abū al-Ḥasan Muḥammad. 1992; Siti Zubaidah Ismail. 1994).

Pada dasarnya, setiap yang mendatangkan manfaat adalah dibenarkan dan setiap yang membawa kemudarat adalah ditegah. Ia merupakan asas kepada setiap tindakan manusia seperti hadis Rasulullah SAW:

لَا ضررَ وَلَا ضرَارٌ

*Maksudnya: Tidak ada mudarat dan tidak dibenarkan membala dengan kemudarat.*

(Al-Bayhaqīyy, Ahmad Ḥusin Ḩusain. 1994:69)

Kebenaran yang diberikan kepada penghuni rumah kediaman untuk mempertahankan dirinya adalah penting bagi melindungi dan memelihara lima tujuan utama syariah yang dibincangkan sebelum ini. Firman Allah SWT:

[فَمَنِ اعْتَدَى عَلَيْكُمْ فَاعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا اعْتَدَى عَلَيْكُمْ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ]

*Maksudnya: Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohnya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu; dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.*

(Al-Qur'an. 2 : 194)

Penghuni yang berusaha untuk mempertahankan dirinya daripada sebarang bentuk pencerobohan akan terlepas daripada hukuman walaupun tindakannya membawa kepada membunuh orang yang menceroboh rumah kediamannya. Tindakan pencegahan yang lebih ringan boleh dimulakan terlebih dahulu sebagai pertahanan diri sebelum menggunakan kekerasan atau yang seumpama dengannya. Menurut jumhur ulama, setiap tindakan mempertahankan diri tidak akan dikenakan hukuman walaupun pertahanan yang digunakan menyebabkan kematian. Namun menurut ulama Hanafi dan kebanyakkan ulama Maliki, tindakan pertahanan boleh dikenakan ganti rugi atas mudarat yang berlaku ke atas pihak yang menceroboh (Al-Šiddīq Abū al-Hasan Muḥammad, 108-117). Asas kepada perkara ini ialah hadis Rasulullah SAW yang bersabda:

مَنْ اطْلَعَ فِي بَيْتٍ فَوْرٌ بَغْيَرِ إِذْنِهِمْ فَقَدْ حَلَّ لَهُمْ أَنْ يَفْقَهُوا عَيْنَهُ

*Maksudnya: Barangsiapa yang mengintai kediaman orang lain tanpa keizinannya, maka dibenarkan baginya (tuan rumah) untuk menjolok matanya.*

(Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. Kitab: Al-Adab, Bab: taḥrīm al-naẓar fi bayt ghayrihi, no: 2158.)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اطْلَعَ فِي بَيْتٍ فَوْرٌ بَغْيَرِ إِذْنِهِمْ فَفَقَهُوا عَيْنَهُ فَلَا دِيَةً لَهُ وَلَا قِصَاصَ

*Maksudnya: Barangsiapa yang mengintai rumah orang tanpa keizinannya, lalu mereka menjolok matanya, maka tiada dikenakan diyah atau qisas.*

(Al-Nasā'iyy, Aḥmad ibn Shu'aib. Kitab: al-Qasāmah, Bab: man iqtaṣṣa wa akhadha haqqahu, no: 4860)

### Tegahan *Tajassus*

Istilah *tajassus* bermaksud sebarang perlakuan mengintip yang dilakukan bagi mencari maklumat tertentu dan biasanya menyentuh tentang kelemahan dan keburukan orang lain (Sa'diyy Abū Jayb. 1408H/1988M, 63; Muḥammad Rākān al-Dughmiyy. 2006, 23-31). Tindakan ini boleh berlaku dalam pelbagai keadaan sama ada melibatkan rumah kediaman atau tidak. Bagi rumah kediaman, perbuatan mengintai, curi dengar, mencari rahsia dan pergerakan penghuni kediaman adalah sebahagian perlakuan *tajassus* yang boleh menjaskan hak privasi.

Secara jelas, perbuatan ini adalah ditegah sama sekali kerana rahsia peribadi rumah kediaman akan terbongkar. Pensyariatan tegahan *tajassus* ini menunjukkan hak privasi yang diberikan kepada kehidupan individu di rumah kediaman masing-masing. Asas tegahan ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

[يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُنِ إِثْمٌ  
وَلَا تَحْسَسُوا وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا إِنْجِبْ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ  
لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتَةً فَكَرِهُتُمُوهُ وَإِنَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابُ رَحِيمٌ]

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadaNya. (oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi maha mengasihani.*

(Al-Qur'an. 49 : 12)

Ayat ini menerangkan dengan jelas tiga bentuk tegahan kerana setiap satunya membawa kepada dosa serta kemudarat dan kepincangan dalam hubungan bersosial. Tiga larangan tersebut ialah sikap bersangka buruk (*sū' al-zann*), mencari keburukan orang lain (*tajassus*) dan mengumpat (*ghibah*). Alasan yang kukuh terhadap tegahan *tajassus* ialah bagi memastikan hak kebebasan, kehormatan dan kemuliaan setiap manusia sentiasa terpelihara dan tidak boleh dicerobohi.

Rasulullah SAW mengingatkan umat Islam tentang beberapa etika pergaulan dan interaksi sesama manusia dalam kehidupan yang antaranya menjauhi *tajassus* iaitu sentiasa mencari kekurangan orang lain. Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالظُّنُنُ، فَإِنَّ الظُّنُنَ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ، وَلَا تَحْسَسُوا، وَلَا تَجْسِسُوا،  
وَلَا تَنافِسُوا، وَلَا تَحْسَدُوا، وَلَا تَباغِضُوا، وَلَا تَدَابِرُوا، وَكُونُوا عِبَادٍ  
اللَّهُ إِلَّا خَوَانًا

*Maksudnya: Berwaspadalah dengan sangkaan, maka sesungguhnya (kebanyakan) sangkaan adalah perkataan yang dusta. Dan janganlah sibuk mendengar (urusan orang lain), janganlah mencari keburukan orang lain (tajassus), janganlah bersaing (perkara yang tidak perlu), janganlah berhasad dengki, janganlah saling membenci, janganlah berpaling muka dan sentiasalah menjadi hamba Allah yang bersaudara.*  
(Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. Kitab: al-Birr wa al-Sillah wa al-Ādāb, Bab: tahrīm al-zann, no: 2563)

Walaupun hukum asal *tajassus* adalah haram, namun terdapat keharusan yang dibenarkan apabila melibatkan operasi hisbah iaitu menegakkan seruan amar makruf dan nahi mungkar dalam masyarakat. Operasi pengintipan ini diharuskan mengikut garis panduan dan tata tertib yang ditentukan. Ini termasuklah sekiranya kemungkaran bersifat terang-terangan dilakukan dan mendapat laporan berdasarkan sumber-sumber yang dipercayai (Zulkifli Mohammad al-Bakri & Azman Ab Rahman. 2007, 181).

## KESIMPULAN

Setiap individu berhak memilih situasi bersendiri atau privasi bagi mengurus hal ehwal peribadi yang bersifat rahsia atau sulit tanpa gangguan daripada pihak luar. Situasi ini dapat dilihat melalui suatu hak yang berkaitan rumah kediaman. Dalam hal ini, panduan wahyu tentang hak privasi berkaitan kediaman tidak boleh dikesampingkan sebagai jaminan dan perlindungan kehidupan manusia. Privasi adalah hak yang diberikan secara eksklusif kepada setiap penghuninya sama ada pemilikan ke atas rumah kediaman adalah sempurna atau tidak. Hak kediaman ini terikat dengan dua jenis hak sekali gus iaitu hak Allah SWT dan hak hamba secara serentak.

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, penulis mendapati privasi bagi sesebuah rumah kediaman didasari atas lima perkara utama seperti berikut:

- i. Penjagaan *‘awrah*: Penentuan batasan *‘awrah* dari sudut ruang, masa peribadi dan limitasi tubuh badan menunjukkan privasi bagi sesebuah rumah kediaman yang menjadi identiti kediaman Islam.
- ii. Perlindungan kerahsiaan: Rumah kediaman mempunyai privasi sebagai salah satu medium untuk menjaga rahsia dalam kehidupan seseorang.
- iii. Kebenaran menyendiri (*‘uzlah*): Kebenaran untuk mengasingkan diri tanpa mengabaikan tanggungjawab merupakan sebahagian privasi di rumah kediaman masing-masing.
- iv. Hak mempertahankan diri: Penghuni rumah kediaman dibenarkan menjaga privasi rumah kediaman melalui tindakan menghalang sebarang gangguan dan pencerobohan.

- v. Tegahan *tajassus*: Privasi rumah kediaman diperakui apabila sebarang bentuk *tajassus* ditegah sama sekali dalam kehidupan harian manusia.

### RUJUKAN

- Abū Dawūd, Sulaymān ibn al-Ash̄ath. thn. *Sunan*. Beirut: al-Maktabah al-<sup>c</sup>Aṣriyyah.
- Ādam <sup>c</sup>Abd al-Badī<sup>c</sup> Ādam Ḥusayn. (2000). *Al-Ḥaqq fī Ḥurmat al-Hayāt al-Khāṣṣah*. Kaherah: Jāmi<sup>c</sup>at al-Qāhirah.
- Alḥmad al-Sa<sup>c</sup>ad. (2004). *Qawābiṭ binā’ al-masākin fi al-fiqh al-Islāmiyy*. 6-9. Retrieved from www.arablawinfo.com 20 Julai 2010.
- Alḥmad Farrāj Ḥusayn & <sup>c</sup>Abd al-Wadūd Muḥammad al-Sarīyy. (n.d). *Al-Naẓariyāt al-<sup>c</sup>Āmmah fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. Beirut: Dar al-Nahḍah al-<sup>c</sup>Arabiyyah.
- Alḥmad ibn Ḥanbal. (1421H/ 2001M). *Musnad*. t.tp: Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Bayhaqiy, Alḥmad Ḥusin <sup>c</sup>Ali. (1994). *Sunan al-Bayhaqiy*. Mekah: Maktabah Dār al-Bāz.
- Al-Bukhāriyy. (1422H). *Al-Jamī’ al-Ṣaḥīḥ*. t.tp: Dār al-Najāt.
- Al-Khaṭābiyy, Abū Sulayman Ḥamad ibn Muḥammad. (1410H/1990M). *Al-<sup>c</sup>Uzlah*. Beirut: Dār Ibn Kathīr. Cet 2.
- Al-Nasā’iyy, Alḥmad ibn Shu<sup>c</sup>āib. (1406H/1986M). *Sunan*. Ḥalab: Maktab al-Matbū<sup>c</sup>at al-Islāmiyyah.
- Al-Ṣābūniyy, Muḥammad <sup>c</sup>Ali. (n.d). *Safwat al-Tafāsīr*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil 3.
- Al-Ṣiddīq Abū al-Ḥasan Muḥammad. (1992). *Haqq al-Difā’ al-Sharīyy al-Khāṣṣ*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Tirmidhiyy, Muḥammad ibn <sup>c</sup>Isa. (1395H/1975M). *Sunan*. Mesir: Maṭba<sup>c</sup>ah Muṣṭafa al-Bābiyy al-Ḥalabiy.
- Anas Muṣṭafa Abu <sup>c</sup>Atā’. 1994. *Fiqh al-Bī’ah fi al-Shari<sup>c</sup>ah al-Islāmiyyah*. Bangi: Disertasi Doktor Falsafah UKM (tidak diterbitkan).
- Asiah Abdul Rahim. (2008). *Housing from the Islamic Perspective*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Ḩusni al-Jundiyy. (1993). *Damānāt Ḥurmat al-Hayāt al-Khāṣṣah fī al-Islām*. Kaherah: Dar al-Nahḍah al-<sup>c</sup>Arabiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Alḥmad ibn Abd al-Halim. (1408H/1987M). *Al-Fatāwā al-Kubrā*. t.tp: Dār al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah. Jil 2.
- Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (2007). *Housing Crisis: Back to a Humanistic Agenda*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muḥammad Rākān al-Dughmiyy. (1405H/1985M). *Himāyat al-Hayāt al-Khāṣṣah fī al-Shari<sup>c</sup>ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muḥammad Rākān al-Dughmiyy. (2006). *Al-Tajassus wa Aḥkāmuhu fī al-Shari<sup>c</sup>ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam. Cet 3.

- Muslim ibn al-Hajjāj al-Naysabūryy. (1418H/1998M). *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*. Beirut : Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabiyy.
- Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha & ‘Ali al-Sharbajiyy. (1991). *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhab al-Imam al-Shafī‘i*. Damshiq: Dār al-Qalam. Jil 1.
- Nurizan Yahya. (1998). Kualiti Perumahan dan Kualiti Hidup. dlm *ANALISIS*. Sintok: UUM. Issue 5(1&2).
- Sa‘diyy Abū Jayb. (1408H/1988M). *Al-Qāmūs al-Fiqhiyy*. Dimashq: Dār al-Fikr. Jil 2.
- Safwān ‘Adnān Dawūdiyy. (1413H/1993M). *Al-Hujurāt al-Sharīfah: Sīratān wa Tārīkhan*. Jeddah: Dār al-Qiblah
- Sayyid Sābiq. (1397H/1977M). *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy.
- Sharīf Adūl Idrīs. (1418M/1997M). *Kitmān al-Sirr wa Ifshā’uhu fi al-Fiqh al-Islāmiyy*. Amman: Dār al-Nafā’is.
- Siti Zubaidah Ismail. (1994). *The Right of Private Defence Under the Islamic Law*. Kuala Lumpur: Disertasi Master of Comparative Law IIUM (tidak diterbitkan).
- Spahic Omer. (2008). *The Origins and Functions of Islamic Domestic Courtyards*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Spahic Omer. (2010). *Islam and Housing*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Wahbah al-Zuhayliyy. (1991). *Al-Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir. Jil 14.
- Zayn al-‘Ābidīn ibn ‘Azm Allah al-Ghāmidiyy. (1427H/2006M). *Fiqh al-Ta‘amul ma‘a al-Fitan*. Riyad: Dār al-Faqīlah.
- Zulkifli Mohammad al-Bakri & Azman Ab Rahman. (2007). Konsep Pengintipan dalam Islam dan Hubungannya dengan Operasi Pencegahan Maksiat. *Isu-isu Semasa Global*. Nilai: PPU USIM.

Zahari Mahad Masa  
Faculty of Syariah and Law  
Universiti Sains Islam Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
MALAYSIA  
zahari@usim.edu.my/mmirahaz@gmail.com